

B/H 23/9/12  
MS 2

# KILANG TEH

## INFO


### Taman Agroteknologi MARDI

- © Lokasi : Persiaran Dayang Endah, Tanah Rata.
- © Dibuka : 8.30 pagi hingga 5 petang (Isnin tutup).
- © Bayaran : RM1.50 (berpakaian sekolah) dan RM3 (biasa)
- © Laman web : [www.mardi.gov.my](http://www.mardi.gov.my)
- © Aktiviti semasa stesen Mardi iaitu pembangunan dan pemindahan teknologi, pembangunan usahawan, latihan teknikal berhubung pengeluaran produk pertanian dan buahan subtropika seperti strawberi. Pengurusan dan pengindahan landskap bunga subtropika dan pengurusan pelancongan dengan pakej penginapan dan pembelajaran.



**55**  
LOKASI  
MESTI PERGI!

B/H



salah satu lokasi pelancongan dalam program cuti-cuti 1Malaysia anjuran Kementerian Pelancongan.



© Dirasmikan Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah Sultan Abu Bakar pada 14 Jun 2003.

© Maklumat cuaca dan waktu semasa dipaparkan pada menara suhu di pintu masuk laman tiba.

© Air sungai Berembun dijadikan tarikan air terjun dua tingkat setinggi lima meter berhampiran kotej Inggeris

© Lokasi menarik antaranya taman ros, taman orkid liar, bunga tulip, tumbuhan sukulen (kaktus), taman bunga (spesies bunga kasut, Clock Vine dan bunga vines tercantik, Jade Vine), rumah kaca serta taman edibel (ada petola gergasi dan basil renek berusia 80 tahun).

# Kebun, kilang teh 83 tahun

» **Taman Agroteknologi MARDI**, lokasi pelancongan setaraf negara Eropah

Oleh Nadia Hamid  
nnadia@bharian.com.my

**T**erpanar dan kagum. Begitulah keindahan kawasan tanah tinggi paling menarik di negara kita yang diliputi banjaran pepohon teh, bunga-bunga dan tumbuhan herba dengan kesejukan suhu antara 14 hingga 24 darjah Celcius bak bertandang di negara Eropah.

Sejuk mencengkam tulang sumsum, kepulan asap nipis diiringi kabus selepas hujan menerbitkan harmoni kunjungan Kembara BH ke Taman Agroteknologi Institut

Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang.

Sukar diungkapkan keindahan lokasi pelancongan berlandaskan model taman utama dunia seperti Kew Garden, England dan Agro Dome di New Zealand ini, ternyata Malaysia tidak kekurangan lokasi penyelidikan dan pelancongan yang bukan calang-calangnya.

Lengkap dengan pakej seni landskap taman, zon tersusun, dan elemen seni bina Inggeris, lokasi dibina sebagai Stesen Penyelidikan Persekutuan yang dibangunkan pemerintah Inggeris pada 1925 itu menggamit kunjungan masyarakat yang rata-ratanya orang tempatan.





Rimbunan buah cinta Tamarillo

▶ 1,000 PELAWAT

bilangan sehari pada cuti hujung minggu, am dan sekolah

▶ 200,000 PENGUNJUNG

ke TATM Cameron Highlands setahun

▶ 1,400 METER

ketinggian dari aras laut

B/H 23/9/12  
MS 3.

### Tarikan pelancong

Bercerita sejarah awal pembinaan taman penyelidikan dan pelancongan berkenaan, Pengurus Taman Agroteknologi MARDI Cameron Highlands, Dr Wan Abdullah Wan Yusoff, berkata stesen berkenaan diletakkan di bawah Kementerian Pertanian selepas merdeka dan status Persekutuan dikekalkan sehingga diserahkan kepada MARDI pada 1971.

Menyebut MARDI, ramai yang tidak boleh lari daripada bayangan pelopor industri komoditi pertanian sinonim masyarakat tempatan seperti tumbuhan sawit, padi dan getah.

Namun, tiada yang tahu keunikan stesen MARDI di pusat peranginan terkenal ini menempatkan kebun teh tertua seluas 2.8 hektar selain kilang teh pertama negara berusia lebih 83 tahun.



Pengunjung tidak melepaskan peluang menyerbu pusat jualan strawberry jenis **camarosa** dan **camaroga**.



Wan Abdullah memeriksa daun teh tertua di Malaysia.

Biarpun Banjaran Titiwangsa sering kali popular dengan Ladang Teh Boh, Bharat Tea Plantation dan Blue Valley yang menyediakan sayup-sayup pemandangan ladang teh disulami kesegaran teh harum namun, MARDI berhasil mempelopori teh bermutu tinggi daripada biji benih diimport dari India.

Mengeluarkan di bawah jenama Nutrima, produk teh untuk tujuan kajian ini pernah dihentikan pada 1990 apabila kilang ditutup akibat kos pengeluaran tinggi dan tidak menguntungkan. Terkini, kilang teh yang beroperasi secara komersial pada 1983 itu mula diperkenalkan semula sebagai tarikan pelancong ke taman ini.

Uniknya, kawasan seluas 100 ekar ini dikelilingi empat zon iaitu taman agroteknologi, kawasan berteknologi tinggi, tanaman terbuka dan tanah cerun dengan kepelbagaian hasil tanaman yang sukar didapati di negara beriklim khatulistiwa seperti buah cinta Tamarillo (tomato perisa markisa dan kiwi), epal, anggur Isabella (USA) dan rasberi.

Menawarkan pelbagai kemudahan seperti dua unit kotej Inggeris reka bentuk Tudor abad ke-6 di kaki Gunung Berembun dengan keluasan dua bilik dan tiga bilik, apartmen percutian tiga bilik, laluan pejalan kaki mesra orang kelainan upaya

(OKU), surau, pusat jualan cenderamata, wakaf pandang di ketinggian 1,456 meter dari aras laut dan kepelbagaian hasil tani termasuk anak pokok, bunga dan baja pasti membangkitkan ghairah pengunjung.

"Pelbagai jenis pokok bunga bermusim seperti impatiens, sylvia dan carnation, snapdragon, kekwa dan gladiolus ditanam di sekitar taman. Mengindahkan lagi landskap taman tanah tinggi ini adalah landskap tulip ketika cuti sekolah dan keistimewaan pokok pelangi (rainbow eucalyptus).

"Hias taman desa Inggeris tidak lengkap tanpa taman kecil menempatkan 50 spesies herba temperat seperti rosemary, basil dan oregano. Malah, kemudahan makmal ujian test bed berskala kecil diwujudkan bagi melatih usahawan memproses produk pertanian berkualiti seperti kordial dan jem.

"Rancangan terbaru adalah membina laluan kereta kabel merentasi MARDI dan Ladang Teh Boh, pembinaan kolam ikan musim sejuk iaitu Trout dan Sturgeon dengan kerjasama Jabatan Perikanan serta pembukaan spa herba dengan kerjasama Koperasi Bigdee," katanya bersedia meningkatkan taraf agropelancongan ini bagi menarik lebih ramai pelancong domestik mahupun antarabangsa, kelak.



Tarikan bunga Vines tercantik dari Filipina, **Jade Vine**.

